

Program UMS bantu pelajar, komuniti di Sabah

PE 8.12.2014 3

SANDAKAN: Program Jaringan Masyarakat Bersama Masyarakat yang dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu memberi impak yang besar dalam membantu pelajar di luar bandar.

Program di bawah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar itu memberi fokus terhadap bimbingan pelajar sekolah menengah dan rendah.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, pelaksanaan program itu sedikit sebanyak dapat memberi suntikan semangat kepada pelajar untuk berusaha lebih gigih agar mereka juga akan dapat menjejakkan kaki ke menara gading.

Katanya program itu yang dilaksanakan setiap tahun merupakan satu daripada projek Jaringan Komuniti Universiti UMS untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat di luar bandar.

“Ia secara tidak langsung membolehkan UMS dapat menyumbang dari aspek pendidikan dan sosial kepada komuniti di Sabah,” katanya ketika merasmikan Program Jaringan Masyarakat dan Karnival Kokurikulum anjuran UMS di Kampung Sungai Daling dekat sini, pada Ahad.

Teks ucapan beliau dibacakan Anggota Parlimen Libaran Datuk Juslie Ajirol.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pameran akademik, motivasi, mencantikkan Tadika dan membersihkan jalan raya kampung serta masjid. – Bernama